

POLITIK DAN KEMAJUAN KHULAFAH' ZAMAN UmayyAH DAN AbbasiyyAH

'Hasan Asy'ari Najmuddin & Mohd Arif Nazri
Muhd Najib Abdul Kadir & Rasyad Afif Ibrahim
Pusat Kelestarian Turath Islami
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: asyari995@gmail.com, mohdarif@ukm.edu.my

Abstrak - Sejarah telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan Islam yang berlangsung sejak zaman Baginda Rasulullah SAW dan awal pada zaman para sahabatnya atau zaman pemerintahan Khulafah' ar-Rasyidin telah berjaya mewujudkan perpaduan dalam kalangan umat Islam dan penduduk bukan Islam yang berada di bawah pimpinan mereka. Tujuan artikel ini adalah pengkaji akan memberikan gambaran umum tentang bagaimana politik zaman Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah dan kemajuan-kemajuannya pada masa itu. Hal ini penting supaya kajian ini dapat dijadikan panduan demi mewujudkan perpaduan yang berkekalan dalam kalangan rakyat dan warganegara beragama Islam dan bukan beragama Islam. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan metode kepustakaan (library research) iaitu analisis buku, jurnal, artikel dan lain-lainnya yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa Politik zaman Khulafah' Bani Umayyah berlangsung selama 90 tahun dengan diterajui oleh 14 orang khalifah. Beliau mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Khalifah Ali bin Abi Talib r.a, selepas berlakunya peperangan Siffin antara tentera beliau dengan tentera Ali. Muawiyah, yang pada waktu itu gabenor Syam (Syria), enggan tunduk di bawah kekuasaan Khilafah Ali r.a. yang berpusat di Madinah. Seterusnya politik zaman Abbasiyyah, kekuasaan Khulafah' Abbasiyyah yang mengambil masa 508 tahun, itu melibatkan pemerintah 35 orang khalifah. Khalifahnya yang pertama ialah Abu Abbas as-Saffah. Selama berkuasa, Kerajaan Bani Abbasiyyah tidak meluaskan kekuasaan politik, sebaliknya lebih berusaha untuk mengembangkan sains Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, terutamanya sains sosial dan sains semula jadi. Pada zaman inilah lahirnya ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Rusyd. Manakala kemajuan-kemajuan di zaman bani Umayyah dan Abbasiyyah ialah, penyebaran Islam, ketenteraan dan pendidikan.

Kata kunci: Politik, Kemajuan Umayyah dan Abbasiyyah.

I. Pendahuluan

Dinasti Umayyah yang berpusat di Damsyik bermula terbentuk sejak terjadinya peristiwa tahkim pada Perang Siffin. Perang yang dimaksudkan untuk menuntut balas atas kematian Khalifah Utsman bin Affan, pada mulanya dimenangi oleh pihak Ali, tetapi melihat kekalahan itu, Muawiyah segera mencadangkan kepada pihak Ali untuk kembali kepada hukum Allah SWT (Ajid Thohir: 2004). Dalam peristiwa tahkim itu, Ali telah terperdaya oleh taktik dan strategi Muawiyah yang pada akhirnya ia mengalami kekalahan secara politik. Sementara itu, Muawiyah mendapat peluang untuk melantik dirinya sebagai khalifah dan raja (Harun Nasution: 1999). Peristiwa ini kemudian menjadi permulaan daripada munculnya fahaman yang beragam dalam perkara-perkara teologi atau keyakinan, termasuk tiga kekuatan kumpulan yang sudah mulai muncul sejak akhir pemerintahan Ali iaitu Syiah, Muawiyah dan Khawarij.

II. Pernyataan Masalah

Dinasti Umayyah selalu dibezakan menjadi dua: Pertama, Dinasti Umayyah yang dipelopori dan diasaskan oleh Mu'awiyah Ibn Abu Sufyan yang berpusat di Damsyik (Syiria). Fasa ini berlangsung sekitar 1 abad dan mengubah sistem pemerintahan daripada sistem khilafah ke sistem mamlakat (kerajaan atau monarki). Kedua, Dinasti Umayyah di Andalusia (Spanyol) yang pada asalnya merupakan wilayah yang ditawan Umayyah yang dipimpin oleh Gubernur pada zaman Walid Ibn Abd Al Malik, kemudian berubah menjadi kerajaan yang terpisah dari pemerintahan Dinasti Bani Abbas setelah berhasil menaklukkan Bani Umayyah di Damsyik (Jaih Mubarak: 2005). Manakala Bani Abbasiyyah, Perkembangan ilmu pengetahuan sangat maju yang bermula dengan penerjemahan naskah atau teks-teks asing terutama yang berbahasa Yunani ke dalam bahasa Arab, pembangunan pusat-pusat pengembangan ilmu dan perpustakaan dan terbentuknya mazhab ilmu pengetahuan dan keagamaan sebagai buah daripada kebebasan pemikiran. Dinasti Abbasiyyah merupakan dinasti Islam yang paling berjaya dalam membangun tamadun Islam. Juru sejarah tidak meragui hasil kerja para juru sejarah semasa pemerintahan dinasti Abbasiyyah dalam memajukan ilmu pengetahuan dan tamadun Islam. Kekuasaan Dinasti Bani Abbasiyyah adalah meneruskan kekuasaan Dinasti Bani Umayyah. Menamakan Daulah

Abbasiyah kerana pengasas dan penguasa Dinasti ini adalah keturunan Abbas, paman Nabi Muhammad SAW. Dinasti Abbasiyah diasaskan oleh Abdullah al-Saffah Ibn Muhammad Ibn Ali Ibn Abdullah Ibn al-Abbass. Beliau dilahirkan di Humaimah pada tahun 104 H. Beliau dilantik menjadi Khalifah pada tarikh 3 Rabiul awwal 132 H. Kekuasaan Dinasti Bani Abbasiyah berlangsung dari tahun 750-12 (Ratu Suntiah, Maslani: 1997). Pada abad ketujuh terdapat pemberontakan diseluruh negara. Pemberontakan yang paling dahsyat dan merupakan kemuncaknya daripada segala pemberontakan iaitu perang antara pasukan Abul Abbas melawan pasukan Marwan Ibn Muhammad (Dinasti Bani Umayyah) yang akhirnya dimenangkan oleh pasukan Abul Abbas. Dengan kejatuhan negara Syiria, berakhirilah Dinasti Bani Umayyah dan bersama dengan itu bangkitlah kekuasaan Abbasiyah (A.Syalabi: 2008). Pada masa inilah kejayaan Islam yang mengalami keemasan atau berjaya pada masa itu dan pelbagai kemajuan dalam segala bidang mengalami peningkatan seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sistem pemerintahannya.

III. Metodologi kajian

Bagi mendapatkan data-data yang tepat atau hampir tepat serta mendapat dapatan kajian yang berkualiti, Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan juga reka bentuk analisis kandungan. Pengkaji mengumpul data menerusi analisis kandungan berkaitan.

IV. Hasil Kajian

A. Politik Zaman Khulafa' Bani Umayyah

Politik zaman Khulafa' Bani Umayyah berlangsung selama 90 tahun dengan diterajui oleh 14 orang khalifah. Penguasa kerajaan bani Umayyah ini ialah Muawiyah bin Abu Sufyan (41 H-60 H/661 M-685 M), Beliau mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Khalifah Ali bin Abi Talib r.a, selepas berlakunya peperangan Siffin antara tentera beliau dengan tentera Ali. Muawiyah, yang pada waktu itu gabenor Syam (Syria), enggan tunduk di bawah kekuasaan Khilafah Ali r.a. yang berpusat di Madinah. Dalam peperangan itu, tentera yang menyokong Muawiyah hampir-hampir kalah. Muawiyah langsung mengangkat mushaf al-Quran untuk berdamai atas nama Allah SWT dengan mengadakan majlis tahkim (majlis perdamaian) (Yazid Haji Maarof, Mohamad Kamil Ab Majid: 2019). Khalifah Ali r.a. sedia untuk berdamai, namun sebaliknya tentera penyokong Ali ingin terus berperang. Maka daripada golongan yang ingin terus berperang inilah lahirnya golongan khawarij (menentang Ali dan Muawiyah). Dalam majlis tahkim ini, Muawiyah melantik Amru bin al-As sebagai perunding bagi pihaknya manakala Ali melantik Abu Musa al-Asy'ari sebagai wakilnya.

Dalam rundingan itu, mereka bersetuju agar penentuan kedudukan khalifah diserahkan kepada rakyat. Amru meminta Abu Musa al-Asy'ari membuat pengisytiharan pembubaran khalifah lebih dahulu, kemudian beliau pun mengisytiharkan pembubaran Ali sebagai khalifah. Amru membuat tipu helah melalui pengisytiharan ini dengan terus sahaja melantik Muawiyah sebagai khalifah. Oleh itu, terlantiklah Muawiyah sebagai khilafah bagi dunia Islam dengan menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahannya. Maka, bermulalah era Khulafa' Bani Umayyah yang diisi seramai 14 orang khalifah sepanjang tempoh 90 tahun kekuasaan mereka. Sepanjang berkuasa, kekuasaan politiknya tersebar hingga ke Sepanyol, Afrika Utara, Syria, Palestin, Semenanjung Arab, Iraq, sebahagian daripada Asia Kecil, Paris, Afghanistan, Pakistan, Romania, Uzbek, Kirgys di Asia Tengah hingga Timur, Barat, Asia dan Afrika (Yahya Jusoh: 2014). Pada masa Bani Umayyah berkuasa, mesti diakui banyak sekali keberhasilan yang di capai seperti:

1. Ekspansi (perluasan wilayah/daerah kekuasaan) secara besar-besaran. Daerah-daerah itu meliputi Sepanyol, Afrika Utara, Syria, Palestin, Jazirah Arabia, Irak, sebagian Asia Kecil, Persia, Afganistan, daerah yang sekarang disebut Pakistan, Purkmenia, Uzbek, dan Kirgis di Asia Tengah (Harun Nasution: 1999).
2. Muawiyah menyumbang banyak pembangunan dalam pelbagai bidang.
3. Mendirikan pejabat pos dan tempat-tempat tertentu dengan menyediakan kuda yang lengkap dengan peralatannya di sepanjang jalan.
4. Dia juga mencuba menertibkan angkatan bersenjata dan mencetak mata wang. Pada zamannya, kedudukannya sebagai seorang hakim (qadhi) berkembang menjadi profesionnya, Qadhi adalah seorang pakar dalam dibidangnya.
5. Abd al-Malik menukar mata wang Byzantium dan Persia yang digunakan di kawasan yang dikuasai Islam. Atas sebab ini, dia mencetak wang tersendiri pada tahun 659 M dengan menggunakan kata-kata dan tulisan Arab.

6. Khalifah Abd al-Malik juga berjaya mereformasi pentadbiran kerajaan dan memberlakukan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi administrasi pemerintahan Islam. Kejayaan Khalifah Abd al-Malik diikuti oleh anaknya al-Walid ibn Abd al-Malik (705-715 M) seorang yang berkehendak kuat dan mampu melaksanakan pembangunan. Dia membina rumah untuk orang kurang upaya. Semua kakitangan yang terlibat dalam kegiatan yang humanis ini dibayar oleh kerajaan.
7. Dia juga membina lebuh raya yang menghubungkan satu kawasan ke kawasan lainnya, kilang-kilang, bangunan pemerintahan dan masjid-masjid yang indah (Taufik Rachman: 2018).
8. Pada aspek politik, Bani Umayyah merumuskan sistem pentadbiran yang baharu untuk memenuhi permintaan pembangunan negeri dan pentadbiran negeri yang lebih kerap. Di samping melantik penasihat sebagai pembantu, Khalifah Bani Umayyah di bantu oleh beberapa setiausaha iaitu: Katib ar-Rasail, setiausaha yang bertugas menyusun pentadbiran dan surat menyurat dengan pihak berkuasa tempatan; Katib al-Kharaj, setiausaha yang bertanggungjawab menguruskan pendapatan dan perbelanjaan negeri; Katib al-Jundi, setiausaha yang bertanggungjawab menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan ketenteraan; Katib asy-Syurtah, setiausaha yang bertanggungjawab menjaga ketenteraman awam dan keselamatan; Katib al-Qudat, setiausaha yang mengatur undang-undang melalui badan kehakiman dan undang-undang tempatan (Munir Amin, Samsul: 2009).

B. Politik Zaman Khulafa' Bani Abbasiyyah

Zaman kekuasaan Khulafa' Abbasiyyah yang mengambil masa 508 tahun (132 H-656 H/750 M-1258 M) itu melibatkan pemerintah 35 orang khalifah. Khalifahnya yang pertama ialah Abu Abbas as-Saffah (132 H-656 H/750 M-754 M), yang menggambil alih kekuasaan daripada Bani Umayyah. Usaha Bani Abbasiyyah untuk menurunkan kekuasaan Bani Umayyah ini mendapat sokongan golongan Syiah dan golongan mawali (bukan Arab). Usaha untuk menggambil alih tampuk pemerintahan daripada khalifah kerajaan Bani Umayyah ini berjaya akhirnya apabila khalifah Bani Umayyah yang terakhir Khalifah Marwan bin Muhammad (128 H-132 H/744 M-749 M) digulingkan daripada takhta kekuasaan. Khalifah Marwan telah melarikan diri ke Mesir tetapi berjaya ditangkap oleh tentera Abbasiyyah dan telah dijatuhi hukuman mati yang sekali gus mengakhiri kekuasaan politik Bani Umayyah yang selama ini berpusat di Damsyik. Selama berkuasa, Kerajaan Bani Abbasiyyah tidak meluaskan kekuasaan politik, sebaliknya lebih berusaha untuk mengembangkan sains Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, terutamanya sains sosial dan sains semula jadi. Pada zaman inilah lahirnya ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Rusyd.

Seperti halnya Kerajaan Umayyah, Kerajaan Abbasiyyah akhirnya runtuh juga. Keruntuhan ini disebabkan oleh perpecahan dan hilangnya kesatuan dalam kalangan umat Islam yang sebahagian besarnya terdiri daripada bangsa Arab, Parsi dan Turki. Walaupun Kerajaan Abbasiyyah telah lama berkuasa, namun kerajaan ini akhirnya dapat dikalahkan dengan mudah oleh tentera Tatar pada tahun 1258 M. Ketika itu, dunia Islam berpecah kepada tiga, iaitu Kerajaan Uthmaniyyah Turki, kerajaan Safawiyyah di Paris dan kerajaan Mughal di India. Selain itu juga, masih terdapat beberapa kerajaan Islam di dunia, seperti kerajaan Bani Umayyah di Andalusia (Sepanyol) serta kesultanan Aceh Dar al-Salam dan Kesultanan Melayu Melaka di Alam Melayu (Yahya Jusoh: 2014). Pada zaman Abbasiyyah konsep khalifah berkembang sebagai sistem politik. Ketika Daulah Abasiyyah memegang kuasa tertinggi Islam, terdapat banyak perubahan dalam kehidupan masyarakat. Kekuasaan Bani Abbasiyyah berlangsung selama tempoh yang sangat panjang bermula pada tahun 132 H hingga 656 H (750 M-1258 M) yang dibahagikan kepada lima tempoh (periode). Pertama (132 H/750 M- 232 H/847 M). Di sebut tempoh pengaruh Persia pertama. Kedua (232 H/847 M- 334 H/945 M). Di sebut masa pengaruh Turki pertama. Ketiga (334 H/ 945 M – 447 H/1055 M). Masa kekuasaan dinasti Buwaih atau pengaruh Persia kedua. Tempoh ke empat (447 H/1055 M – 590 H/1194 M). Merupakan kekuasaan dinasti Bani Saljuk dalam pemerintahan atau pengaruh Turki dua. Tempoh yang ke lima (590 H/1194 M – 565 H/1258 M) adalah tempoh mendekati kemunduran dalam sejarah tamadun Islam (Syalabi: 1997). Kemudian pada masa Bani Abbasiyyah pada tempoh yang pertama lebih menegaskan pemeliharaan tamadun dan budaya Islam daripada perluasan wilayah. Ini adalah perbezaan utama antara Bani Abbasiyyah dan Bani Umayyah. Di samping itu, terdapat juga ciri-ciri terkenal dinasti Bani Abbas yang tidak wujud di zaman Bani Umayyah seperti:

1. Dengan pindahnya ibu kota ke Baghdad, pemerintahan Bani Abbas menjadi jauh dari pengaruh Arab Islam. Manakala dinasti Bani Umayyah sangat berorientasi kepada Arab Islam. Dalam tempoh pertama dan ketiga pemerintahan Abbasiyyah, pengaruh kebudayaan Persia sangat kuat dan pada tempoh kedua dan keempat bangsa Turki sangat dominan dalam politik dan pemerintahan dinasti ini.
2. Dalam pentadbiran negara, semasa periode Bani Abbasiyyah ada seorang wazir, yang bertanggungjawab atas ketua jabatan. Kedudukan ini tidak ada dalam pemerintahan Bani Umayyah.
3. Tentera profesional baharu dibentuk semasa pemerintahan Bani Abbasiyyah. Sebelum ini, belum ada tentera khusus yang profesional.

Seperti yang dijelaskan di atas, kemuncak perkembangan kebudayaan dan pemikiran Islam berlaku pada masa pemerintahan Bani Abbas. Walau bagaimanapun, tidak bermakna semuanya berawal daripada kreativiti Bani Abbas sendiri. Sebahagian di antaranya sudah bermula sejak awal kebangkitan Islam.

C. Kemajuan Zaman Bani Umayyah Dan Bani Abbasiyyah

1. Penyebaran Islam

Perkembangan dan penyebaran agama Islam hingga ke benua Eropah telah berjalan selari melalui beberapa faktor. Antaranya, syariat Islam telah mewajibkan umatnya berdakwah secara Islahiyah (Muslim) dan Islamiyah (bukan Islam). Kerajaan yang lemah telah memohon perlindungan daripada negara dan kerajaan Islam yang mempunyai ketenteraan yang kuat dan akhirnya telah berjaya membebaskan beberapa buah negara kecil daripada penindasan negara-negara kuasa besar (Yazid Haji Maarof, Mohamad Kamil Ab Majid: 2019).

a. Ketenteraan

Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufian, beliau telah melakukan proses pembesaran armada angkatan laut, daripada 200 buah kapal kepada 1,700 buah kapal. Semasa pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyyah pula, jabatan ketenteraan telah dibesarkan dan mempunyai sistem pentadbiran yang terbaik dan setiap jabatan mempunyai bahagian tertentu yang bertanggungjawab mengurus tentera khas tentu, tentera pusat dan wilayah.

b. Pendidikan

Syariat Islam telah mewajibkan umatnya untuk menuntu ilmu, iaitu ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Pada peringkat awal perkembangan Islam, agama ini dianuti oleh suku-suku kaum daripada bangsa Arab dan dakwah dapat disampaikan dari mulut ke mulut sahaja. Namun demikian, apabila Empayar Islam berkembang luas, timbul masalah komunikasi dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa yang masing-masing menuturkan bahasa yang berbeza. Keadaan ini berlaku pada kurun ke-2 dan ke-3 Hijriah, ketika ilmu berkaitan fardu ain yang mengandungi ilmu akidah, tasawuf, fiqh ibadat, fiqh munakahat, fiqh muamalat dan fiqh jinayat masih belum disusun lagi. Muncul beberapa orang tokoh ulama yang telah membuat rumusan, menyusun, serta membuat fatwa tentang fardu ain dengan bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Untuk menyebarkannya kepada masyarakat yang pelbagai bangsa itu, mereka telah mengambil inisiatif membukukan dan menterjemahkannya kepada pelbagai bahasa serta diedarkan ke seluruh dunia, malah kita di alam Nusantara telah beroleh ilmu tersebut apabila dibawa oleh para pendakwah Arab. Antara ulama yang telah membukukannya termasuklah: ilmu akidah dan falsafah oleh Abu Hassan al-Asy'ari, Abu Munsur al-Maturidi dan Abu Hassan al-Basri. Ilmu tasawuf (akhlak) oleh Junaidi al-Baghdadi dan Haris al-Muhasibi. Ilmu fiqh dalam empat bahagian oleh Imam Hanafi (anak muridnya), Imam Malik, Imam as-Syafii dan Imam Ahmad bin Hanbal (Yazid Haji Maarof, Mohamad Kamil Ab Majid: 2019).

Atas kesedaran dan tanggungjawab ini, perkembangan ilmu pengetahuan telah berlaku dengan pesatnya, terutamanya pada zaman pemerintah khilafah-khilafah al-Makmun, Harun al-Rasyid, Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz. Khilafah-khilafah itu telah memerintahkan aktiviti penterjemahan hasil karya asing kepada bahasa Arab diperhebat. Hal ini telah menyebabkan lahirnya pelbagai disiplin ilmu agama dan ilmu-ilmu fardu kifayah, seperti ilmu perubatan (kedokteran), falsafah, sains, sejarah, ilmu falak dan sebagainya. Maka, wujudlah pusat-pusat pengajian tinggi, perpustakaan awam, atau pusat sumber Darul Hikmah sehingga membentuk asas ketamadunan manusia yang meluas hingga ke Sepanyol lalu mempengaruhi tamadun manusia di Benua Eropah (Yazid Haji Maarof, Mohamad Kamil Ab Majid: 2019).

V. Penutup

Politik zaman Khulafa' Bani Umayyah berlangsung selama 90 tahun dengan diterajui oleh 14 orang khalifah. Penguasa kerajaan bani Umayyah ini ialah Muawiyah bin Abu Sufyan, Beliau mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Khalifah Ali bin Abi Talib r.a, selepas berlakunya peperangan Siffin antara tentera beliau dengan tentera Ali. Muawiyah, yang pada waktu itu gabenor Syam (Syria), enggan tunduk di bawah kekuasaan Khilafah Ali r.a. yang berpusat di Madinah. Sepanjang berkuasa, kekuasaan politiknya tersebar hingga ke Sepanyol, Afrika Utara, Syria, Palestin, Semenanjung Arab, Iraq, sebahagian daripada Asia Kecil, Paris, Afghanistan, Pakistan, Romania, Uzbek, Kirgys di Asia Tengah hingga Timur, Barat, Asia dan Afrika. Zaman kekuasaan Khulafa' Abbasiyyah yang mengambil masa 508 tahun (132 H-656 H/750 M-1258 M) itu melibatkan pemerintah 35 orang khalifah. Khalifahnya yang pertama ialah Abu Abbas as-Saffah, yang mengambail alih kekuasaan daripada Bani Umayyah. Usaha Bani Abbasiyyah untuk menurunkan kekuasaan Bani Umayyah ini mendapat sokongan golongan Syiah dan golongan mawali (bukan Arab). Selama berkuasa, Kerajaan Bani Abbasiyyah tidak meluaskan kekuasaan politik, sebaliknya lebih berusaha untuk mengembangkan sains Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, terutamanya sains sosial dan sains semula jadi. Pada zaman inilah lahirnya ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Rusyd. Pada zaman Abbasiyyah konsep khalifah berkembang sebagai sistem politik. Ketika Daulah Abasiyyah memegang kuasa tertinggi Islam, terdapat banyak perubahan dalam kehidupan masyarakat. Kekuasaan Bani Abbasiyyah berlangsung selama tempoh yang sangat panjang bermula pada tahun 132 H hingga 656 H yang dibahagikan kepada lima tempoh (periode). Pertama disebut tempoh pengaruh Persia pertama. Kedua, disebut masa pengaruh Turki pertama. Ketiga. Masa kekuasaan dinasti Buwaih atau pengaruh Persia kedua. Tempoh ke empat merupakan kekuasaan dinasti Bani Saljuk dalam pemerintahan atau pengaruh Turki dua. Tempoh yang ke lima adalah tempoh mendekati kemunduran dalam sejarah tamadun Islam.

Manakala kemajuan pada zaman Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah seperti perkembangan dan penyebaran agama Islam hingga ke benua Eropah telah berjalan selari melalui beberapa faktor. Antaranya, syariat Islam telah mewajibkan umatnya berdakwah secara Islahiyah (Muslim) dan Islamiyah (bukan Islam), kemudian dalam bidang pendidikan terdapat dua bahagian iaitu ilmu fardu ain, ilmu yang berkaitan mengandungi ilmu akidah, tasawuf, fiqh ibadat, fiqh munakahat, fiqh muamalat dan fiqh jinayat masih belum disusun lagi. Muncul beberapa orang tokoh ulama yang telah membuat rumusan, menyusun, serta membuat fatwa tentang fardu ain dengan bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Untuk menyebarkannya kepada masyarakat yang pelbagai bangsa itu, mereka telah mengambil inisiatif membukukan dan menterjemahkannya kepada pelbagai bahasa serta diedarkan ke seluruh dunia, malah kita di alam Nusantara telah beroleh ilmu tersebut apabila dibawa oleh para pendakwah Arab. Antara ulama yang telah membukukannya termasuklah: ilmu akidah dan falsafah oleh Abu Hassan al-Asy'ari, Abu Munsur al-Maturidi dan Abu Hassan al-Basri. Ilmu tasawuf (akhlak) oleh Junaidi al-Baghdadi dan Haris al-Muhasibi. Ilmu fiqh dalam empat bahagian oleh Imam Hanafi (anak muridnya), Imam Malik, Imam as-Syafii dan Imam Ahmad bin Hanbal. Yang terakhir adalah ilmu fardu kifayah, Atas kesedaran dan tanggungjawab ini, perkembangan ilmu pengetahuan telah berlaku dengan pesatnya, terutamanya pada zaman pemerintah khilafah-khilafah al-Makmun, Harun al-Rasyid, Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz. Khilafah-khilafah itu telah memerintahkan aktiviti penterjemahan hasil karya asing kepada bahasa Arab diperhebat. Hal ini telah menyebabkan lahirnya pelbagai disiplin ilmu agama dan ilmu-ilmu fardu kifayah, seperti ilmu perubatan (kedokteran), falsafah, sains, sejarah, ilmu falak dan sebagainya. Maka, wujudlah pusat-pusat pengajian tinggi, perpustakaan awam, atau pusat sumber Darul Hikmah sehingga membentuk asas ketamadunan manusia yang meluas hingga ke Sepanyol lalu mempengaruhi tamadun manusia di Benua Eropah.

Rujukan

1. Ajid Thohir. 2004. *Perkembangan Peradaban di Kawasan Dunia Islam: Melacak Akar-akar Sejarah, Sosial, Politik, dan Budaya Umat Islam*. Jakarta : Grafindo.
2. A.Najili Aminullah. *Dinasti Bani Abassiyah, Politik, Peradaban Dan Intelektual*. T.tn.
3. Harun Nasution. 1999. *Islam ditinjau dari berbagai Aspeknya*. Jakarta : UI-Press.
4. Jaih Mubarak. 2005. *Sejarah Peradaban Islam*. Bandung: Bani Quraisy.
5. Munir Amin, Samsul. 2009. *Sejarah Peradapan Islam*. Jakarta : AMZAH.
6. Ratu Suntiah, Maslani. 2010. *Sejarah Peradaban Islam*. Bandun: CV. Insan Mandiri.
7. Syalabi. 1995. *Sejarah dan Kebudayaan Islam 2*. Jakarta : PT. Al Husna Zikra.
8. Taufik Rachman. 2018. *Bani Umayyah Dilihat dari Tiga Fase (Fase Terbentuk, Kejayaan dan Kemunduran)* JUSPI: Jurnal Sejarah Peradaban Islam Vol. 2 No. 1.
9. Yahya Jusoh. 2014. *Sejarah Falsafah Politik Dalam Islam*. Johor Baharu Malaysia: Penerbit UTM Press.
10. Yazid Haji Maarof, Mohamad Kamil Ab Majid. 2019. *Politik Perspektif Islam (Siyasah Syar'iyah)*. Kuala Lumpur: ITBM (Institut Terjemahan & Buku Malaysia).

